

Reka bentuk Pembangunan Perisian Hafazan Al-Quran (EzHifz) berdasarkan gaya pembelajaran VARK

Nor Musliza Mustafa, Mokmin Basri & Sedek Ariffin

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,
Bandar Seri Putra, 43000 Bangi, Selangor*

normusliza@kuis.edu.my

Abstrak. Kajian ini bertujuan mengemukakan reka bentuk pembangunan perisian hafazan al-Quran (EzHifz) yang menyokong penggunaan kepelbagaian pancaindera dalam pengaplikasian gaya pembelajaran VARK dalam perisian. Perisian yang dibangunkan secara mudah alih menggunakan platform android ini membenarkan pemilihan mod gaya pembelajaran VARK berdasarkan gaya pembelajaran dominan dalam mengatasi perbezaan gaya pembelajaran pelajar. Berdasarkan hasil pengujian alpha dan beta, dapat disimpulkan bahawa perisian ini telah memenuhi ciri-ciri yang diperlukan dalam proses hafazan dan kefahaman Al-Quran serta keperluan pengguna dalam pembelajaran hafazan Al-Qur'an (Per kata).

Kata kunci: perisian hafazan al-Quran, gaya pembelajaran VARK, kepelbagaian pancaindera